



Tarikh: 1 Ogos 2022

Pekeliling Biskop 07/2022

Kehadapan semua,

Salam damai dalam musim trinititi kepada semua!

1.0 Perhimpunan Diosis 2022 (Diocesan Assembly 2022)

- 1.1 Perhimpunan Diosis 2022 akan diadakan pada hari Jumaat, 26 Ogos 2022 di Christ Church, Jinjang, Kuala Lumpur. Vikar gereja penganjur, Rev. Raymond Lai, telah menghantar jemputan kepada semua Paderi, Diakonisa, Wakil Jemaat Sinod, untuk menyatakan kehadiran dengan melengkapkan Borang Pendaftaran dalam talian. Jemputan juga turut dihantar kepada Pegawai Diosis, Pengerusi Lembaga, Ahli Jawatankuasa, dan ahli-ahli sinod yang berkaitan.
- 1.2 Terima kasih diucapkan kepada yang telah berjaya membuat pendaftaran, dan saya ingin mengalu-alukan kedatangan anda semua ke Perhimpunan Diosis 2022. Walaupun saya tidak berkesempatan untuk hadir bersama secara fizikal, namun saya akan menghadiri beberapa sesi tertentu menerusi talian.
- 1.3 Perhimpunan Diosis ini sebagai tindakan susulan kepada tiga Perhimpunan Wilayah (Tengah & Timur, Utara dan Selatan), untuk membawa kepada kesimpulan bagi perkara-perkara berbangkit semasa Perhimpunan Wilayah tempoh hari. Cadangan untuk meningkatkan pelayanan, pengurusan pentadbiran dan penyediaan laporan akan turut dibincangkan.
- 1.4 Beberapa cadangan yang telah dibincangkan semasa Perhimpunan Wilayah dan telah disyorkan. Kita akan bincangkan dengan lebih terperinci mengenai perkara-perkara tersebut semasa Perhimpunan Diosis, dan berharap akan mencapai kata sepakat. Dokumen "Lampiran 1: Syor-syor Perhimpunan Wilayah" dilampirkan di bahagian belakang Pekeliling ini untuk rujukan anda. Oleh kerana Perhimpunan ini **BUKAN** Mesyuarat Sinod, keputusan tetap tidak boleh dibuat. Walau bagaimanapun, kita akan dapat menentukan hala tuju untuk bergerak ke hadapan dan membuat persediaan untuk Mesyuarat Sinod pada tahun 2023.
- 1.5 Borang Maklum Balas Google untuk Syor-syor Perhimpunan Wilayah boleh diakses menerusi pautan di bawah:

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScxPQIDpi3IHD36y8QZv1DNjcgTWkSEzqEQaViOTRTXSRr5LA/viewform?usp=sf_link
- 1.6 Sila ambil serius akan Pengesyoran ini. Saya mengesa agar anda boleh memberikan maklum balas melalui Borang Maklum Balas Google, dan menghantar semula selewat-lewatnya pada 15 Ogos 2022, untuk memberikan masa yang secukupnya untuk memproses maklum balas dan



"Behold, I am making all things new"
Revelation 21:5



ulasan anda. Dengan ini, perbincangan semasa Perhimpunan Diosis akan lebih teratur dan masa akan dapat digunakan dengan sebaiknya. Keutamaan akan diberikan kepada mereka yang telah memberikan maklum balas menerusi Borang Maklum Balas mengikut tarikh yang telah ditetapkan iaitu paling lewat pada 15 Ogos 2022.

1.7 Seperti yang saya telah nyatakan dalam pekeliling yang sebelumnya (Pekeliling Biskop 06/2022, bertarikh 21 Julai 2022), Buku Panduan Diosis sedang dikemas kini dan disusun semula. Isi kandungan Buku Panduan ini akan dibincangkan lebih lanjut semasa *Clergy and Deaconess Retreat* yang akan berlansung sebelum Perhimpunan Diosis. Walau bagaimanapun, bahagian-bahagian tertentu yang berkaitan dengan Badan Am, seperti prosedur pentadbiran, penyediaan laporan dan dasar perakaunan, akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Perhimpunan ini.

1.8 Agenda untuk Perhimpunan Diosis 2022

Agenda ini telah disediakan oleh Setiausaha Diosis dan telah diedakan kepada Paderi, Diakonisa, Wakil Jemaat Sinod dan Perwakilan Sinod. Ianya juga dikongsikan dalam Pekeliling Biskop ini seperti yang dibawah:

9.30a.m. Pendaftaran di Christ Church, Jinjang, Kuala Kumpur

10.00a.m. Doa Pagi
Tributes / Penghormatan

10.30a.m. Sesi Pertama

- i) **Penanaman Gereja**
(menggunakan contoh yang sedia ada)
- ii) **Permuridan**
(AIM / TEE / ARM / program-program lain)
- iii) **Pembangunan Kepimpinan**
(pendedahan/program latihan)
- iv) **Panggilan/Pelayanan Sepenuh Masa**
(program anjuran pelbagai lembaga bahasa)
- v) **Pembentukan Lembaga Bahasa Inggeris**
- vi) **Kampus Ministri / Chaplainsi Untuk Sekolah**
- vii) **Jubah dan Tradisi Anglikan**

12.30p.m. i) **Laporan dari Jawatankuasa dan Lembaga Diosis**
(Perbincangan mengenai cadangan daripada Jawatankuasa Pelantikan – *Ordination Committee*)
(Sorotan dari Jawatankuasa/Lembaga Diosis)

1.00p.m. Makan Tengah Hari

2.00p.m. Sesi Kedua

- i) **Cadangan DSIC**
(Taklimat mengenai MOO/pengumpulan data)
- ii) **Urusan Pentadbiran**



“Behold, I am making all things new”
Revelation 21:5



(Insurans / Perlembagaan / Minit mesyuarat & Penyata Akaun /
Cadangan untuk menggabungkan *Archdeaconries Middle Central & Upper
Central*)

iii) Akaun

(Dasar perakaunan / Penyata Akaun pada 31.12.2021 / Belanjawan 2023)

iv) Cadangan untuk kembali mengadakan Mesyuarat Sinod Tahunan

v) Safe Church

vi) Maklum balas daripada Borang Tinjauan Google

4.00p.m. Perkara lain

4.30p.m. Doa Kesyukuran / Minum Petang


5.00p.m. Bersurai

2.0 Borang Maklum Balas Google

2.1 Jika anda mempunyai sebarang komen atau maklum balas, sila isi borang Maklum Balas Google menerusi pautan di bawah:

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScvud1thHtJtAku4G8KSnIQB-MOV2BAaJXcLwQIhCTrgA3dZA/viewform?usp=sf_link

Veni Sancte Spiritus,



The Rt. Rev. Dr. D. Steven Abbarow
Bishop Diocese of Semenanjung Malaysia (Anglikan)



“Behold, I am making all things new”
Revelation 21:5



Berikut adalah syor dan cadangan yang dibuat semasa tiga Perhimpunan Wilayah 2022 (Tengah & Timur, Selatan dan Utara). Ini akan dibincangkan lebih lanjut pada Perhimpunan Diosis 2022, yang akan diadakan pada Jumaat 26 Ogos 2022, di Christ Church, Jinjang, Kuala Lumpur.

BIL	SYOR/CADANGAN	OLEH
A	Dari Perhimpunan Wilayah Tengah & Timur (25 April 2022)	
A.1	<p>Safeguarding / Safe Church</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Perlu menyediakan persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak dan orang dewasa yang berisiko daripada penderaan dan/atau eksploitasi ➤ Adalah menjadi panggilan dan kewajipan gereja untuk menjadi komuniti yang penyayang dan menawarkan persekitaran yang mesra dan selamat untuk semua orang belajar dan berkembang dalam Kristus. ➤ Perlukan langkah pencegahan kerana terdapat banyak rumah kebajikan yang dikendalikan oleh Diosis ➤ Mengajar mengenai sentuhan selamat, sentuhan yang tidak sesuai, dsb ➤ Pengambilan kakitangan dan sukarelawan secara berhemat – semak dengan polis jika terdapat mana-mana kakitangan/kakitangan yang mempunyai sejarah penderaan dicatatkan (Daftar Kesalahan Seksual) ➤ Beberapa gereja telah pun melaksanakan garis panduan dan langkah-langkah <i>Safe Church</i> (cth. St. Mary's Cathedral, HTBB) ➤ Garis panduan akan diperkenalkan pada Persidangan Lambeth pada tahun ini. Setelah dilaksanakan, kami akan melantik Pegawai Pelindung untuk Diosis <p>PELAKSANAAN JAWATANKUASA PENYELAMAT / LANGKAH / GARIS PANDUAN – UNTUK DIBINCANGKAN DI PERHIMPUNAN DIOSIS</p>	Canon Andrew Khoo
A.2	<p>Cadangan – mengadakan Mesyuarat Sinod setiap tahun (buat masa ini 2 tahun sekali)</p> <p>Alasan untuk mengadakan Mesyuarat Sinod setiap tahun:</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Jurang yang panjang antara mesyuarat mengurangkan penyertaan dan sumbangan dalam pelbagai aspek. ➤ Banyak peristiwa / program berlaku dalam tempoh 2 tahun. ➤ Menyemarakkan dan memperbaharui ikatan persekutuan dalam kalangan peserta. <p>Alasan Mesyuarat Sinod diadakan 2 tahun sekali:</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Gereja-gereja penganjur akan menampung sebahagian kos daripada Diosis. Ianya melibatkan kos yang besar sekiranya dianjurkan di hotel. ➤ Keputusan untuk mengadakan setiap 2 tahun telah dibuat oleh Sinod, dan melibatkan pindaan kepada Perlembagaan, dan turut melibatkan Provinsi Sinod dalam proses kelulusan. Proses ini akan mengambil masa kira-kira 2 tahun. <p>AKAN DIBINCANGKAN SEMASA PERHIMPUNAN DIOSIS</p>	En. Nanda Goban menerusi surat Bsp Steven Abbarow
B	Dari Perhimpunan Wilayah Selatan (3 Mei 2022)	
B.1	Cadangan untuk menggabungkan MCA (Selangor) dengan UCA (KL) untuk menjadi Wilayah Tengah.	Ven. Stephen Chan

Lampiran 1: Syor-syor Perhimpunan Wilayah

BIL	SYOR/CADANGAN	OLEH
	<p>Nota: MCA (Selangor) ketika ini adalah sebahagian dari Wilayah Selatan. Perkara ini tidak dibincangkan dengan panjang lebar dalam Perhimpunan ini.</p> <p>DIBINCANGKAN KEMUDIAN / PERHIMPUNAN DIOSIS</p>	
B.2	<p>Aktifkan Semula Jawatankuasa Tetap Wilayah (<i>Protem</i>/Sementara)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Jawatankuasa Tetap Wilayah (<i>Protem</i>) adalah pendahuluan kepada Jawatankuasa Tetap Wilayah Diosis apabila Wilayah Diosis yang baru dibentuk. ➤ Menubuhkan Lembaga Wilayah & Kampus Ministri & Pelayanan Chaplainsi yang lain. ➤ Wilayah Selatan telah melantik beberapa orang calon layak, cth. Pelayanan Kanak-kanak, Pelayanan Wanita, dsb. Kebanyakan calon adalah dari SA, beberapa orang dari LCA. ➤ Tiada calon dari MCA berikutan dengan pengunduran MCA dari Wilayah Selatan. <p>Nota: Jawatankuasa Tetap Wilayah (<i>Protem</i>/Sementara) – Regional <i>Protem Standing Committee</i> ; Jawatankuasa Tetap Wilayah Diosis – Area <i>Diocese Standing Committee</i></p>	Bsp. Jason Selvaraj
B.3	<p>Adakah perlu untuk kita menubuhkan Lembaga Bahasa Inggeris?</p> <p>YA</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Lembaga Bahasa adalah sesuatu yang positif dalam pelayanan (Cina, Tamil, BM, Iban). Gereja yang berbahasa Inggeris tidak mempunyai platform – mengalami kesukaran. ➤ Lembaga Bahasa Inggeris akan dapat membantu dalam menumpukan sepenuh perhatian kepada pelayanan yang dijalankan dalam bahasa Inggeris. Kita akan dapat mengenal pasti di mana dan siapa yang perlu mendapatkan sokongan dalam pelayanan tertentu. <p>TIDAK</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Kekurangan paderi ➤ Diosis boleh dianggap sebagai Lembaga Bahasa Inggeris – struktur dan jawatankuasa yang lengkap <p>SECARA UMUMNYA TIADA BANTAHAN. PERLUKAN RUNDINGAN DAN PERBINCANGAN</p>	<p>En. David Joseph</p> <p>Ven. Stephen Chan</p> <p>Rev. Eric Chan</p> <p>LR. Ann Balasingam</p>
B.4	<p>Jawatan Lay Pastor (LP) – kekalkan atau keluarkan?</p> <p>KEKALKAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Masih ada keperluan ➤ Membiarkan LP yang sedia ada meneruskan pelayanan, namun sekiranya tiada keperluan, tidak perlu memperbaharui lesen dan berhenti keluarkan lesen untuk LP baru. ➤ Gelaran LP akan menyebabkan mereka lebih bertanggungjawab dalam pelayanan. Kebanyakan daripada LP mempunyai pekerjaan tetap dan tidak perlu dibayar oleh gereja. 	<p>Mr. David Chai</p> <p>Ms. Lydia Wong</p> <p>Mr. Lee Wai Kong</p>

Lampiran 1: Syor-syor Perhimpunan Wilayah

BIL	SYOR/CADANGAN	OLEH
	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Dalam istilah Bahasa Cina perkataan Paderi, LP dan Lay Reader adalah berbeza dan ianya tidak mengelirukan. <p>KELUARKAN</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Menggalakkan lebih ramai Lay Reader. ➤ Istilah “Pastor” akan menyebabkan kekeliruan dan disalah ertikan oleh sesetengah pihak. Kita perlu menggunakan istilah atau gelaran lain. ➤ Kita harus mengukuhkan kedudukan jabatan Lay Reader. <p>LEBIH BANYAK RUNDINGAN DAN PERBINCANGAN DIPERLUKAN</p>	<p>Ven. Stephen Chan</p> <p>En. Lim Boon Kheng</p> <p>Rev. Eric Chan</p> <p>Rev. Issac Pandian</p>
B.5	<p>Adakah perlu untuk Mesyuarat Sinod dianjurkan seperti amalan sebelum ini dengan mengadakan mesyuarat TAHUNAN dan bukanlah 2 tahun sekali (bermula pada tahun 2019)?</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Jurang yang panjang antara mesyuarat mengurangkan penyertaan dan sumbangan dalam pelbagai aspek. ➤ Banyak peristiwa / program berlaku dalam tempoh 2 tahun. ➤ Menyemarakkan dan memperbaharui ikatan persekutuan dalam kalangan peserta. <p>UNDIAN SECARA ANGKAT TANGAN Kekal 2 tahun sekali: 27 Kembali pada setiap tahun: 20</p> <p>AKAN DIBINCANGKAN SEMASA PERHIMPUNAN DIOSIS – KEPUTUSAN AKHIR AKAN BERGANTUNG KEPADA BISHOP DIOSIS</p>	<p>En. David Joseph mewakili En. Nanda Goban</p>
B.6	<p>Panggilan – bagaimana untuk mendapatkan lebih ramai orang terlibat dalam pelayanan sepenuh masa?</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Lembaga Tamil mengadakan <i>Vacation Camp</i> untuk mengenal pasti belia; tindakan susulan bersama <i>Pastor</i>; galakkan untuk mengikuti <i>2-for-Christ</i>; sebahagian daripada mereka meneruskan pengajian ke STM. ➤ Mengadakan Kem Belia Wilayah; memberi galakkan kepada belia yang telah dikenal pasti berpotensi menjadi pemimpin untuk menyertai Kem Belia. ➤ Mencari golongan belia untuk mengikuti latihan permuridan, cth. ASOD, <i>2-for-Christ</i>, AIM ➤ Ini termasuk dalam memberi galakan kepada orang yang lebih dewasa untuk mengikuti latihan dan pelayanan. Jangan hanya tertumpu kepada golongan orang belia sahaja. ➤ <i>2-for-Christ</i> merupakan sebuah program yang baik, sebagai batu loncatan untuk memasuki STM. Para paderi harus membimbing mereka dalam setiap aspek. 	<p>Rev. Issac Pandian</p> <p>Rev. Juining Babia</p> <p>Rev. Paul Khoo</p> <p>Mr. Lim Boon Kheng</p> <p>Ven. Stephen Chan</p>
C	<p>Dari Perhimpunan Wilayah Utara (7 Mei 2022)</p>	

Lampiran 1: Syor-syor Perhimpunan Wilayah

BIL	SYOR/CADANGAN	OLEH
C.1	<p>Tinjauan MOO (<i>Ministry Operational Objectives</i>)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Penetapan tarikh penyerahan data untuk Tinjauan MOO. ➤ Bangunkan sebuah aplikasi untuk menghubungkan seluruh Diosis di peringkat paderi dan jemaat. ➤ Menaikkan taraf para penginjil agar mereka turut mendapat penghargaan dan manfaat yang sama seperti paderi. ➤ Melatih pekerja sosial sepenuh masa untuk pelayanan sosial daripada menggunakan paderi sahaja. 	<p>Rev. Victor Arputham</p> <p>Rev. Soon Jun Jer</p>
C.2	<p>Sekolah Alkitab Malaysia (SAM)</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Beroperasi selama 15 tahun, bermula dari 4 pusat latihan di Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur dan Johor Bahru. (Dikelolakan oleh Dss. Dr. Tan Swee Bee). Pusat latihan di Pulau Pinang dan JB tidak beroperasi sejak beberapa tahun lalu. ➤ Daripada keempat-empat pusat ini, 2 calon telah ditahbiskan dan seorang telah menjadi diakonisa. ➤ Daripada 8 orang pemegang ijazah, 4 orang meneruskan sarjana di STM dan berharap agar dapat menjadi LOM. ➤ PERTIMBANGAN UNTUK MENYUSUN SEMULA KEEMPAT-EMPAT PUSAT INI. 	<p>Canon Dr. SK Teoh</p>
C.3	<p>Adakah perlu untuk kita menubuhkan Lembaga Bahasa Inggeris?</p> <p>YA</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Membuat perbandingan dengan kemajuan yang dicapai oleh gereja berlainan Bahasa; penyelarasan dan sokongan padu dari lembaga Bahasa berkaitan, ianya menunjukkan banyak kemajuan dan pertumbuhan yang positif. ➤ Bukan sahaja melibatkan gereja luar bandar, tetapi juga gereja dalam bandar. Gereja-gereja dalam bandar mempunyai cabaran yang berlainan – terutamanya aliran keluar daripada gereja-gereja Anglikan ke bukan Anglikan. ➤ Lembaga Bahasa Inggeris boleh membuat penilaian dan rancangan untuk gereja-gereja berbahasa Inggeris. ➤ Standardize the system for betterment of English-speaking churches which need help Seragamkan sistem untuk penambahbaikan gereja berbahasa Inggeris yang memerlukan bantuan. <p>TIDAK</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Sekiranya Lembaga Bahasa Inggeris dibentuk, maka tidak ada keperluan untuk Lembaga/Jawatankuasa Diosis yang pada asalnya adalah “Lembaga Bahasa Inggeris”. Lembaga Bahasa Inggeris hanya akan melayani gereja berbahasa Inggeris. ➤ Jawatankuasa Diosis telah sememangnya menguna pakai bahasa Inggeris dan ahli-ahlinya adalah dari kalangan gereja berbahasa Inggeris. ➤ Gereja-gereja berbahasa Inggeris hendaklah membentuk Lembaga Belia Inggeris, Lembaga Wanita, Lembaga Warga Emas, dan Lembaga Kanak-kanak dan lain-lain. Yang sememangnya secara langsung adalah Lembaga Diosis. ➤ Bertapaklah secara berhemah 	<p>Rev. Tom Cherian</p> <p>Ven. John Kennady</p> <p>Rev. Victor Arputham</p> <p>Bsp. Moon Hing</p>

Lampiran 1: Syor-syor Perhimpunan Wilayah

BIL	SYOR/CADANGAN	OLEH
	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Perlembagaan Anglikan mungkin perlu diubah, jika kita ingin menubuhkan Lembaga Bahasa Inggeris ➤ Adalah lebih baik jika mempunyai Jawatankuasa Bahasa Inggeris Diosis <p>MEMERLUKAN RUNDINGAN DAN PERBINCANGAN LEBIH LANJUT</p> <p>Perlu pertimbangkan Jawatankuasa OA, untuk melayani Orang Asal, dan seharusnya menjadi entiti yang berasingan dengan Lembaga BM.</p> <p>MEMERLUKAN RUNDINGAN DAN PERBINCANGAN LEBIH LANJUT</p>	<p>Bsp. Charles Samuel</p> <p>Canon. Jacob Bau</p>
C.4	<p>Bagaimana untuk mendapatkan lebih ramai orang terlibat dalam pelayanan sepenuh masa?</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Tiadanya niat bersepadu dalam Penanaman Gereja dan Permuridan. ➤ Anglikan <i>School of Disciple</i> (dikelola oleh Lembaga Bahasa Cina) dan <i>2-for-Christ</i> dibangunkan untuk mendapatkan lebih ramai orang dalam kerja-kerja pelayanan. ➤ Setiap gereja harus mmbuat sasaran dengan menghantar 1 orang untuk melayani sepenuh masa setiap tahun. ➤ Membuat <i>road show</i> untuk <i>In Campus Exposure</i> (ICE) untuk menggalakkan belia dan lepasan pelajar merasai kehidupan di seminari dalam beberapa minggu. ➤ Diakonisa harus dihargai sama rata kerana peranan mereka semakin besar. Mereka kini mempunyai tanggungjawab yang lebih banyak dan bergerak sendiri. ➤ Cadangan untuk melanjutkan usia persaraan ke 70 tahun dan dalam pada masa yang sama melatih pemimpin yang baru. ➤ Setiap gerija perlu membuat sasaran untuk menghantar 1 orang untuk melayani sepenuh masa dalam setiap 4 tahun. ➤ Mempunyai bimbingan yang terancang – memberi pendedahan kepada ahli-ahli yang muda (bawah umur 40) dalam jawatankuasa untuk menimba pengalaman. ➤ Diosis mempunyai ramai LOM namun mereka tidak dapat dipindahkan dari gereja ke gereja. Oleh itu, lebih banyak orang yang melayani sepenuh masa diperlukan untuk dihantar ke lokasi-lokasi penanaman gereja. <p>RUNDINGAN DAN PERBINCANGAN LANJUT DIPERLUKAN</p>	<p>Bsp. Ng Moon Hing</p> <p>Rev. Steven Raj</p> <p>Dss. Puspathai Rani</p> <p>Rev. Victor Arputham</p> <p>Bsp. Stephen Soe</p> <p>Rev. Frank Lin</p> <p>Rev. Jacob Bau</p>
C.5	<p>Etika berpakaian calon yang ditahbiskan dan diberi kuasa untuk membuat kebaktian.</p> <ul style="list-style-type: none"> ➤ Perlu memakai pakaian (mengikut kod etika pemakaian paderi/diakonisa) yang sesuai mengikut keadaan. ➤ Paling penting adalah cara pembawaan diri. 	<p>En. Daniel Soon</p>

Lampiran 1: Syor-syor Perhimpunan Wilayah

BIL	SYOR/CADANGAN	OLEH
	<ul style="list-style-type: none">➤ Harus ada beberapa kefleksibelan dalam garis panduan yang telah dipersetujui.➤ Untuk kebaktian secara maya, perlu menggunakan jubah (<i>cassock</i>) dan salib (<i>cross</i>). Untuk kebaktian secara fizikal, perlu menggunakan selendang (<i>stole</i>).➤ Sekiranya jubah yang sedia ada (<i>standard</i>) terlalu panas, dicadangkan untuk menjahit/menempah sendiri mengikut material yang lebih ringan ataupun bersifat sejuk. <p>UNTUK DIBINCANGKAN DALAM PERHIMPUNAN DIOSIS. KEPUTUSAN AKHIR UNTUK ETIKA BERPAKAIAN AKAN DIBERI OLEH BISHOP DIOSIS</p>	Rev. Tom Cherian Rev. Stephen Vello Bsp. Stephen Soe

Borang Maklum Balas Google untuk "*Recommendations of the Regional Assemblies*" boleh diakses melalui pautan di bawah (juga diberikan dalam perkara 1.5 dalam Pekeliling ini):

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScxPQIDpi3lHD36y8QZv1DNjcgTWkSEzqEQaViOTRTXSRr5LA/viewform?usp=sf_link

-Lampiran 1 Tamat-